



SIARAN AKHBAR

S.A. 2021/01/25 (HQ)

PENCAWANG DITUTUP TNB SEMAKIN BERKURANGAN

- Hanya lapan pencawang ditutup di Pahang
- Tiada lagi pencawang ditutup di Johor

Situasi banjir yang semakin reda memerlukan Tenaga Nasional Berhad (TNB) untuk menutup sementara hanya lapan pencawang elektrik di Pahang setakat jam 2 petang hari ini.

Penutupan pencawang dilakukan di daerah Pekan, Temerloh dan Bera melibatkan 428 pengguna. Sebanyak tujuh pencawang menerima bekalan daripada set janakuasa bergerak.

TNB turut memberi bekalan melalui set janakuasa mudah alih ke tujuh pusat pemindahan sementara yang tidak menerima bekalan daripada pencawang.

Di Johor pula, tiada lagi pencawang dihenti tugas berikutan paras banjir yang semakin menurun.

Penutupan pencawang elektrik ketika banjir dilakukan demi keselamatan pengguna dan TNB sentiasa berusaha memulihkan bekalan dengan mengambil kira aspek keselamatan pengguna dan pekerja TNB.

Bilik gerakan TNB di Pahang dan Johor masih beroperasi untuk tujuan pemantauan selain bagi menyampaikan maklumat berkaitan bekalan.

Pengguna di kawasan banjir dinasihatkan untuk sentiasa mematuhi arahan pihak berkuasa sekitar diminta berpindah dan menghubungi TNB Careline di talian 15454 jika ada pepasangan TNB, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) mahupun Jabatan Kerja Raya (JKR) yang beralih atau tumbang.

Sentiasa jauhkan diri daripada menghampiri tiang elektrik, pepasangan elektrik dan kabel elektrik- termasuk yang bersalut dengan penebat yang ditenggelami air. Semua ini mungkin masih mempunyai arus bekalan elektrik dan boleh menyebabkan risiko renjatan.

Orang ramai juga dinasihatkan agar berhati-hati ketika menggunakan peralatan elektrik jika premis mereka dinaiki air. Elakkan menyentuh alat elektrik atau suis dengan tangan yang basah dan lembap kerana ia boleh menyebabkan renjatan elektrik.

S.A. 2021/01/25 (HQ)

Setelah banjir surut, pengguna disaran untuk mendapatkan khidmat kontraktor pendawaian yang berdaftar dengan Suruhanjaya Tenaga bagi memeriksa pendawaian di dalam premis mereka yang dinaiki air.

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 15 Januari 2021, jam 4:30 petang

Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Fitri Majid 013-3626923 /

Grace Tan 016-6626229 / Nasir Aziz 018-9434524

atau emel kami: media@tnb.com.my



Warga kerja dari TNB Kuala Lumpur Timur dan Bangsar melakukan kerja-kerja mula tugas pencawang elektrik di Kampung Rengai di daerah Kuala Lipis, Pahang setelah dipastikan selamat untuk beroperasi berikutan banjir yang telah surut.